

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN BUKAN LISAN**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : **Dato' Dr. Mujahid Yusof Rawa**
[Parit Buntar]

SOALAN:

Dato' Dr. Mujahid Yusof Rawa

[Parit Buntar] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah status projek tebatan banjir di pinggiran Sungai Kerian. Bagaimanakah Kementerian membantu memindahkan penduduk termasuk peruntukan saku hati perpindahan mereka.

JAWAPAN:

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek Rancangan Tebatan Banjir Sungai Kerian mula dilaksanakan pada 2 Disember 2013 dan dijangka siap pada 1 Jun 2015. Status terkini kemajuan di tapak adalah 15%.

Penduduk yang terlibat dalam projek ini ialah penduduk yang tinggal di sekitar kawasan Dennis Town. Mereka terdiri daripada penduduk setinggan dan peneroka haram atas tanah kerajaan.

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE), melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Perak (JPS) telah bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Perak bagi mendapatkan maklumat dan bilangan sebenar setinggan terlibat. Seterusnya, setelah beberapa siri perbincangan dibuat di antara Kerajaan Negeri Perak, NRE dan JPS bagi menetapkan kadar dan kaedah yang bersesuaian bagi bayaran sagu hati kepada penduduk, kadar saguhati yang dipersetujui adalah sebanyak RM42,000.00.

Kadar bayaran tersebut telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan dan peruntukan bagi bayaran saguhati ini telah disalurkan terus kepada Pejabat Kewangan Negeri Perak. Kerajaan Negeri Perak dengan kerjasama Pejabat Tanah dan Daerah, Pejabat Tanah dan Galian dan JPS Perak akan membuat penyelarasan berdasarkan Piawaian Prosedur Operasi (SOP) yang telah ditetapkan.

Sekian, terima kasih.